



TERTARIK...Fadillah (kiri) bertanya sesuatu mengenai rekaan peserta di Itex 2011, semalam.

## Satu peratus hasil KDNK biayai R&D

**K**ERAJAAN perlu memperuntukkan sekurang-kurangnya satu peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi membiayai aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam negara.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Fadillah Yusof berkata, peruntukan itu akan melonjakkan pelan yang sudah diatur kerajaan, sekali gus memudahkan negara mencapai matlamat Wawasan 2020.

“Peruntukan berkenaan membolehkan pelaksanaan pelbagai perancangan yang sudah diatur. Ini termasuk menganjurkan forum memabitkan pemilik kepentingan dalam merangka serta menggubal Akta dan Dasar Sains Teknologi Negara Ketiga.

“Dengan memperuntukkan sekurang-kurangnya satu peratus daripada KDNK, ia akan memudahkan kita mencapai Wawasan 2020,” katanya selepas merasmikan Pameran Rekacipta, Inovasi dan Teknologi (Itex 2011) di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, peruntukan satu peratus yang diminta kementerian itu masih berada di bawah paras peruntukan di negara maju yang membelanjakan purata 3.5 peratus daripada KDNK masing-masing untuk tujuan R&D malah, negara Asia lain, rata-ratanya memperuntukkan antara 2.5 hingga 3.0 peratus bagi tujuan itu.

Sehubungan itu, katanya, kementerian berharap Malaysia mempunyai dasar yang serupa bagi membolehkan negara ini bersaing.